

LAPORAN TAHUNAN

UNIT PEMULIHAN

CARAKERJA

HOSPITAL PARIT

BUNTAR

2018

PENGENALAN UNIT

Unit Pemulihan Carakerja, Hospital Parit Buntar mula beroperasi di Hospital Parit Buntar bermula pada September 2006 dengan penempatan 2 orang anggota. Unit ini menyediakan rawatan pemulihan bagi meningkatkan kefungsiian klien pada tahap yang optima di dalam aktiviti kehidupan harian,pekerjaan dan masa lapang. Rawatan menekankan kepada alat adaptasi,rawatan komprehensif,

Unit Pemulihan Carakerja, Hospital Parit Buntar menerima rujukan kes – kes dari Hospital-Hospital dan Klinik Kesihatan Daerah yang bersempadan dengannya. Selain itu kebanyakan pesakit di Unit Pemulihan Carakerja bukan sahaja menerima rujukan daripada Jabatan Pesakit Luar Hospital Parit Buntar, malah menerima rujukan daripada Hospital Taiping, Hospital Kulim, Hospital Seberang Jaya, Hospital Pulau Pinang, Hospital Bukit Mertajam serta klinik-klinik kesihatan berhampiran.

VISI DAN MATLAMAT UNIT

1) VISI

Menyediakan program rawatan rehabilitasi yang efektif kepada klien supaya dapat berdikari di dalam kehidupan harian dan menikmati hidup yang berkualiti di dalam komuniti.

2) MISI

Menyediakan perkhidmatan pemulihan yang mencerminkan kestabilan kesihatan unggul penduduk.

3) OBJEKTIF


1. Menjalankan penilaian yang menyeluruh bagi kefungsiian fizikal dan mental klien dalam melaksanakan ADL (aktiviti kehidupan seharian), pekerjaan, masa lapang dan aktiviti sosial.
2. Merancang rawatan pemulihan yang gradual (berperingkat) berdasarkan masalah yang dihadapi klien dan mengikut keutamaan keperluan klien.
3. Menjalankan intervensi yang efektif melalui aktiviti terapeutik (aktiviti yang bermakna) kepada klien yang terdiri dari kanak-kanak, dewasa dan warga emas. Skop perkhidmatan ini melibatkan aspek promotif, preventif dan rehabilitatif.
4. Memberikan sokongan kepada klien, keluarga klien dan juga komuniti dalam meningkatkan kualiti hidup klien dan individu lain.
5. Bekerjasama dengan kumpulan perubatan yang lain supaya dapat memberikan perkhidmatan yang efektif kepada klien.

4) FUNGSI – FUNGSI UTAMA UNIT PEMULIHAN CARAKERJA

1. Pengurusan Kaunter
2. Pentadbiran Am
3. Pekhidmatan Perawatan Pesakit

CARTA ORGANISASI

**CARTA ORGANISASI KEDUDUKAN PEGAWAI
UNIT PEMULIHAN CARA KERJA,
HOSPITAL PARIT BUNTAR**



LAPORAN AKTIVITI UNIT PEMULIHAN CARAKERJA 2018

AKTIVITI / LATIHAN & PENCAPAIAN

1. LATIHAN

- (i) Senarai program latihan (seminar, kursus, bengkel dan lain-lain) yang dihadiri anggota dalam tahun 2017

Nama Latihan	Tarikh / Tempoh	Tempat	Peserta
Bengkel Inovasi	23/1/2018	Dewan Mutiara, HPB	Siti Nur Aishah Bt Meht
Kursus Sistem Maklumat Rekod Pesakit (Smp) 2.0 Perkhidmatan Pemulihan Carakerja Negeri Perak	6/3/2018	ACC Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh.	
Kursus Kewangan	24/4/2018	Dewan Mutiara, HPB	
Perak Rehabilitation Conference	30/7/2018	ACC Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh.	
Kursus Denggi	9/8/2018	Dewan Mutiara, HPB	
Kursus Maal Hijrah	12/10/2018	Dewan Mutiara, HPB	
Kursus Maulidur Rasul	21/11/2018	Dewan Mutiara, HPB	

Nama Latihan	Tarikh / Tempoh	Tempat	Peserta
National Symposium Rehabilitation Medicine Perspective In Chronic Low Back Pain Management	9/4/2018	Hospital Sungai Buloh	Nurul Syifa' Bt Mohamed Shariff
Kursus Treatment (MDT) In Psychiatry For Adult And Paeds	7/5/2018	Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh	
Kursus Pelaksanaan Pain Free Program	16/7/2018	Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh	
Kursus Evidence Based Practise	2/8/2018	Hospital Taiping	
Kursus Budaya Koperat	23/10/2018	Hospital Parit Buntar	

(ii) Aktiviti Kualiti

- Kajian Kepuasan Pelanggan juga telah diadakan bagi tempoh 2 penggal bagi memantau mutu perkhidmatan di Unit Pemulihan Carakerja.
- Melakukan penambahbaikan borang temujanji pesakit serta borang-borang penilaian.

2. AKTIVITI PERAWATAN PESAKIT

Rawatan Pemulihan Carakerja merangkumi rawatan Fizikal,psikologikal,psikososial dan Kognitif. Pemulihan juga menggunakan modaliti/peralatan tertentu dan membuat adaptasi peralatan mengikut keperluan pesakit bagi mengembalikan kefungsiian optimum pesakit. Selain itu rawatan juga melibatkan psikologi pesakit dan latihan awal perkembangan kanak-kanak. Antara aktiviti-aktiviti unit yang telah dijalankan pada tahun 2018:

- Mengadakan **Aktiviti Sosial** dan *Parent Support Group* bagi pesakit fizikal dan psikiatrik kanak-kanak .
- Mengadakan **Aktiviti Domestik** seperti aktiviti memasak,penyediaan makanan dan susun atur peralatan selepas memasak.Sasaran adalah bagi pesakit psikiatrik dan Medikal seperti pesakit Stroke.

STATISTIK

Berikut adalah **data kedatangan** pesakit – pesakit ke Unit Pemulihan Carakerja bagi tahun 2018.

Perkara (Bilangan pesakit)	J	F	M	A	M	J	J	O	S	O	N	D	Jumlah
Pesakit Dalam	0	5	3	4	0	2	3	2	4	1	3	2	29
Pesakit luar	220	163	207	183	156	129	216	215	169	237	283	199	2377

Berikut adalah **data rawatan** yang diberikan kepada pesakit – pesakit di Unit Pemulihan Carakerja bagi tahun 2018.

Perkara (Bilangan rawatan)	J	F	M	A	M	J	J	O	S	O	N	D	Jumlah
Pesakit Dalam	0	19	9	31	0	10	9	5	16	5	11	8	123
Pesakit luar	682	509	651	572	469	431	631	547	437	744	705	573	6951

Jumlah Petugas 2018 : 2 Orang (Jurupulih Perubatan Carakerja)

SENARAI TUGAS

Senarai Tugas Jurupulih Perubatan (Carakerja) U29

1. KLINIKAL:

Jurupulih Perubatan Carakerja U29 menjalankan tugas-tugas seperti yang berikut :

- 1.1. Menerima Rujukan daripada Pakar atau Pegawai Perubatan.
- 1.2. Menjalankan penilaian spesifik Pemulihan Carakerja ke atas pesakit:
 - *Pesakit Orthopedik;*
 - *Kepatahan tulang*
 - *Kondisi Kongenital (cth: CTEV)*
 - *Kes-kes Spinal*

 - *Pesakit Medikal;*
 - *Sakit Jantung*
 - *Arthritis / Sendi*
 - *Stroke / Angin ahmar*

 - *Pesakit Surgikal;*
 - *Luka terbakar / lecur*
 - *Varicose vein*
 - *Parut hipertrofi*

 - *Pesakit Pediatrik;*
 - *ADHD / Hiperaktif*
 - *Autisma*
 - *Down Syndrome*
 - *Masalah Pembelajaran*
 - *Cerebral Palsi*

- *Premature / Pra-matang*

- *Epilepsi*

○ *Pesakit Psikiatrik / Mental*

- 1.3. Merancang Program Rawatan mengikut kondisi pesakit.
- 1.4. Mengendalikan program intervensi dan rehabilitasi yang berstruktur dan dipadankan bagi setiap pesakit mengikut penilaian berterusan. Contoh: Pesakit pediatrik, psikiatri, stroke dan geriatrik.
- 1.5. Menjadi fasilitator bagi kumpulan sokongan ibubapa (parent support group).
- 1.6. Bekerjasama dengan badan kerajaan (cth: JKM) dan badan bukan kerajaan (cth: NGO) dalam memenuhi keperluan pelanggan (cth: permohonan alat bantuan).
- 1.7. Bertindak sebagai sumber rujuk kepada kumpulan perubatan yang lain dalam hal berkaitan pemulihan carakerja.
- 1.8. Menyelia dan menjaga keselamatan pesakit semasa menjalani rawatan.
- 1.9. Merekod kehadiran, rawatan dan kemajuan pesakit.
- 1.10. Menyedia dan membentangkan laporan kemajuan pesakit kepada perujuk
- 1.11. Menghentikan rawatan / discaj pesakit sekiranya telah mencapai tahap optimum yang diperlukan .
- 1.12. Merujuk pesakit ke jabatan / agensi lain sekiranya perlu.
- 1.13. Melibatkan diri secara aktif dalam 'multidisciplinary team'.

2. PENGURUSAN.

- 2.1. Bertanggungjawab memberi kerjasama kepada Pegawai Kesihatan Daerah / Klinik Kesihatan / Ketua Jabatan.
- 2.2. Mengetuai Perkhidmatan Pemulihan Carakerja peringkat Pejabat Kesihatan Daerah sekiranya tiada Gred U32 atau U36.
- 2.3. Menjalankan tugas Pengurusan jabatan sekiranya tiada Gred U32 atau U36
- 2.4. Menghadiri mesyuarat sekiranya tiada Gred U32 atau U36
- 2.5. Mengendalikan mesyuarat jabatan sekiranya tiada Gred U32 atau U36
- 2.6. Merancang dan melaksanakan aktiviti jabatan sekiranya tiada Gred U32 atau U36
- 2.7. Menyediakan Laporan Bulanan dan Tahunan jabatan.
- 2.8. Urusan Pesanan Bulanan.
- 2.7. Sumber rujukan berkaitan perkhidmatan untuk anggota kesihatan lain.
- 2.8. Berhubung dengan jabatan lain.
- 2.9. Berhubung dengan keluarga pesakit / pelawat.
- 2.10. Menghadiri jemputan rasmi sekiranya tiada Gred U32 atau U36

3. PENYELIAAN.

- 3.1. Membantu dalam penyelia kakitangan menjalankan tugas sekiranya tiada Gred U32 atau U36
- 3.2. Mengawal pergerakan kakitangan sekiranya tiada Gred U32 atau U36
- 3.3. Urusan cuti kakitangan.
- 3.4. Menjaga keselamatan dan kebajikan kakitangan sekiranya tiada Gred U32 atau U36
- 3.5. Penilaian ke atas prestasi kerja kakitangan bawahan sekiranya tiada Gred U32 atau U36
- 3.6. Menyelia dan mengawal prosidur, garis panduan dan mutu perkhidmatan.

- 3.7. Menyelia pelatih Jurupulih Carakerja, Jururawat, Pelajar Perubatan dan sebagainya.

4. PENJAGAAN PERALATAN JABATAN.

- 4.1. Menjaga keselamatan peralatan unit.
- 4.2. Memastikan kefungsiian peralatan.
- 4.3. Urusan penyelenggaraan peralatan.
- 4.4. Memeriksa stok bahan rawatan.
- 4.5. Urusan pembelian alat / bahan rawatan.
- 4.6. Pemeriksaan inventori & harta modal`
- 4.7. Daftar barang baru.
- 4.8. Pelupusan harta / barang.

5. LATIHAN

- 5.1. Melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti jabatan.
- 5.2. Berpengetahuan dan berkemahiran dalam teknik rawatan terkini.
- 5.3. Merancang, menyelaras dan menjalankan kajian-kajian seperti Kajian Kepuasan Pelanggan, Inovasi, KIK,KPI, QAP dan sebagainya.
- 5.4. Melibatkan diri dalam latihan perkembangan kerjaya.

6. MENJALANKAN TUGAS-TUGAS YANG DIARAHKAN.

- 6.1. Memberi ceramah.
- 6.2. Menghadiri kursus / latihan / seminar dan sebagainya yang berkaitan dengan tugas.
- 6.3. Menjayakan program anjuran jabatan dan melibatkan diri secara aktif.
- 6.4. Lain-lain tugas yang diarahkan oleh pihak atasan

Senarai Tugas Pembantu Perawatan Kesihatan (PPK)

Unit Pemulihan Carakerja Hospital Parit Buntar masih lagi tidak mempunyai perjawatan Pembantu Perawatan Kesihatan (PPK). Tugas-tugas Pembantu Perawatan Kesihatan (PPK) tersebut dilaksanakan oleh Jurupulih Perubatan Carakerja (U29) di unit ini .Antara senarai-senarai tugas Pembantu Perawatan Kesihatan (PPK) di Unit Pemulihan Carakerja :

1. Menguruskan pendaftaran pesakit.
2. Memungut wang daripada pesakit dan menyerahkan ke Unit Hasil.
3. Mengaturkan temujanji pesakit.
4. Menjawab panggilan telefon.
5. Dispatch surat yang berkaitan
6. Mencuci 'Heating Pan' yang digunakan untuk splinting seminggu sekali.
7. Memanaskan 'Heating Pan' setiap pagi pada suhu yang telah ditetapkan.
8. Menyediakan peralatan yang diperlukan oleh Jurupulih Perubatan Carakerja bagi program pemulihan.
9. Memastikan susun atur peralatan kemas dan bersih.
10. Membantu Jurupulih Perubatan Carakerja mengawasi pesakit psikiatrik ketika aktiviti pemulihan dijalankan bagi memastikan keselamatan terjamin.

KESIMPULAN

PERANCANGAN MASA DEPAN

Kuantiti pesakit perlu dipertingkatkan dari masa ke masa untuk memaksimumkan penggunaan perkhidmatan unit ini di samping dapat meningkatkan kualiti kesihatan masyarakat. **Penempatan Pembantu Perawatan Kesihatan** di unit ini dijangka dapat meningkatkan mutu perkhidmatan termasuk pengurusan kaunter, rekod pesakit, menguruskan pendaftaran pesakit, mengaturkan temujanji pesakit, menyediakan peralatan yang diperlukan oleh Jurupulih Perubatan Carakerja bagi program pemulihan, memastikan susunatur peralatan kemas dan bersih, membantu Jurupulih Perubatan Carakerja mengawasi pesakit psikiatrik ketika aktiviti pemulihan dijalankan bagi memastikan keselamatan terjamin yang sekarang ini semuanya di uruskan oleh Jurupulih.

Unit Pemulihan Carakerja menjalankan pemulihan dengan menggunakan modaliti/peralatan tertentu dan membuat adaptasi peralatan mengikut keperluan pesakit bagi mengembalikan kefungsi optimum pesakit. Selain itu rawatan juga melibatkan psikologi pesakit. Pada masa hadapan, Unit Pemulihan Carakerja telah merancang untuk meluaskan skop perkhidmatan iaitu:

- Melengkapkan **peralatan** program Pemulihan Carakerja supaya dapat memberikan **rawatan** pemulihan yang **komprehensif** kepada pesakit.

- **Menambah** jumlah **bilik rawatan** supaya dapat memberi perkhidmatan pemulihan yang efektif kepada pesakit.
 - Mewujudkan **bilik ADL** bagi membolehkan program rawatan ADL dilaksanakan seperti *dressing, grooming*, dan aktiviti *domestik*.

- Mewujudkan bilik khas pediatrik iaitu **Bilik Snozelen** supaya dapat membuat program pemulihan bersama pesakit 'child psychiatric' seperti *Autism* dan *Attention Deficit Hyperactive Disorder* untuk memberi ransangan sensori Visual,Auditori,Olfaktori dan Taktil yang berkesan.
- Selain itu kanak-kanak yang bermasalah seperti *Behavior problem*, *mental retardation & Intellectual Disability* juga memerlukan bilik khusus,ini kerana kanak-kanak ini tidak boleh menerima banyak rangsangan lain ketika aktiviti **Pemulihan Kognitif** dijalankan. Jika rawatan dijalankan di bilik fizikal, matlamat rawatan tidak akan dicapai kerana program pemulihan tidak dapat diimplementasikan secara berkesan.
- Mewujudkan bilik psikiatrik yang sesuai untuk membolehkan program **terapi seperti relaxation, aktiviti kreatif, aktiviti rekreasi dan `group therapy`** dibuat bersama pesakit psikiatrik.
- Mewujudkan ruang khas bagi mengadakan **Aktiviti Vokasional** seperti berkebun,kraftangan dan bengkel jualan untuk pesakit psikiatrik sebagai media rawatan bagi pesakit. Pembantu Perawatan Kesihatan adalah perlu ditempatkan di unit ini untuk menjayakan program ini.
- Mengadakan **Program Pemulihan(outreach program) di Kelas Pendidikan Khas** di sekolah sekitar Daerah Kerian.
- Mengadakan **Aktiviti Sosial** dan *Parent Support Group* bagi pesakit kanak-kanak.

(ii) Senaraikan latihan yang diperlukan.

Nama / Bidang Latihan	Sebab Diperlukan
1. Kursus Psikiatrik	Meningkatkan pengetahuan dan skil dalam mengendalikan klien psikiatrik.
2. Kursus Perkhidmatan Pemulihan Carakerja bagi pesakit stroke.	<ul style="list-style-type: none">• Mendapat pendedahan dan meningkatkan mutu perkhidmatan dalam mengendalikan pesakit stroke.• Untuk mempelajari teknik bobath dengan lebih terperinci untuk diaplikasikan kepada klien.• Untuk mendapat pendedahan lebih mendalam dalam penilaian ujian kognitif dan senaman kognitif bagi pesakit stroke.
3. Kursus Psychogeriatric bagi pesakit warga emas	Ada dikalangan pesakit medikal yang di rujuk ke unit adalah di kalangan warga emas. Pendekatan yang perlu di ambil terapis adalah mengawal emosi dan psikologi mereka sepanjang sesi rawatan. Kursus psychogeriatric ini dapat membantu dalam proses rawatan supaya berkesan.